

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 20.07.2023 MASA: 02.00pm  
**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN  
**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA  
**MAJLIS PERASMIAN *ECO SCHOOL VOCATIONAL TRAINING***

OLEH  
**YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW  
KETUA MENTERI PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**22 JULAI 2023 (SABTU)  
2.10 PETANG**

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN VALDOR  
SEBERANG PEAI SELATAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada petang yang berbahagia ini dalam **Majlis Perasmian Eco School Vocational Training** di Sekolah Menengah Kebangsaan Valdor, Seberang Perai Selatan.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang kerana sudi hadir serta merasmikan program pada petang ini.
3. Program Eco School Vocational Training di Sekolah Menengah Kebangsaan Valdor ini adalah satu kolaborasi di antara Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan *International Urban and Regional Cooperation* (IURC) dari *European Union*, melalui MOU yang ditandatangani pada 14 September 2022. Manakala, SMK Valdor; Flex Penang Plant 5; Lions Club Bayan Baru, Pulau Pinang;

dan Politeknik Metro Tasek Gelugor pula adalah rakan-rakan strategik dalam pelaksanaan program.

4. Tumpuan program adalah pertukaran pengalaman dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti sekolah hijau. Program ini menggalakkan kerjasama jangka panjang dari aspek pertukaran pengetahuan, pengalaman dan maklumat untuk mendapatkan manfaat bersama di antara rakan-rakan strategik.
5. Program ini jugak mengenal pasti amalan terbaik, dan bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam pengurusan ekonomi sirkular, mencari penyelesaian berasaskan alam semula jadi, pengurusan sisa dan air, perancangan bandar, pemeliharaan warisan dan kawasan strategik lain yang dikenal pasti dari semasa ke semasa.
6. Bagi peringkat pertama program ini iaitu Program *Eco School Vocational Training* SMK Valdor seramai lima (5) orang pelajar tiap-tiap tingkatan ataupun secara keseluruhannya, 25 orang pelajar telah dipilih untuk program latihan vokasional yang memberi tumpuan dalam bidang membaiki komputer.

7. Lions Club Bayan Baru akan membantu dalam usaha mengumpul komputer terpakai dari industri untuk tujuan latihan membaiki computer, manakala Flex Penang Plant 5 di kawasan Perusahaan Perai pula akan menyediakan tenaga pengajar kepada pelajar-pelajar ini setiap hari Sabtu selama dua (2) jam.
  8. Latihan ini dijangka tamat dalam dua (2) bulan dan computer-komputer yang telah dibaiki akan disumbang kepada pelajar-pelajar yang memerlukan. Ini selari dengan pengurusan sumber yang mampan iaitu *repair* dan *regift*.
  9. Pelajar-pelajar yang berjaya mengikuti keseluruhan latihan akan diberikan sijil penyertaan oleh Politeknik Metro Tasek Gelugor. Sijil ini boleh membantu pelajar untuk mendapatkan pekerjaan atau melanjutkan pelajaran di kemudian hari.
  10. Pelajar-pelajar telah mahir adalah diharapkan dapat membaiki komputer yang rosak serta melatih pelajar-pelajar yang lain. Latihan ini juga membolehkan pelajar-pelaja untuk berdikari dan mahir dalam bidang membaiki komputer.

11. MBSP amat berharap latihan ini dapat menukar minda pelajar dan melalui kehidupan harian berinnovatif dan tidak membazir.
  
12. Program ini akan disiarkan dalam newsletter IURC dan peranan serta sumbangan rakan-rakan strategik akan diketengahkan. Dua orang guru dan dua murid dari Formalicao Portugal akan melawat program ini dalam bulan September 2023.
  
13. Sebagai mengakhiri kata-kata, Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, IURC, rakan-rakan strategik, Sek Men Keb Valdor, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini untuk menjayakan program ini.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***